

# Adaptasi persekitaran baharu

## ► Campus Survival bimbing mahasiswa UMSKAL

**PELAJAR**  
baharu belajar  
berdikari  
termasuk  
memasang  
kemah.



(Gambar bawah) **GEOFFREY** (dua kiri) menyampaikan hadiah kepada kumpulan yang berjaya sempena program Campus Survival diperhatikan Nur Iman (dua kanan) dan Shah Rizan (kanan).

**BERKAYAK** antara aktiviti air yang diikuti peserta Campus Survival.

UB 2-10-2014 B1

**P**ROGRAM Campus Survival Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) diadakan untuk membimbing pelajar baharu universiti itu.

Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata, Campus Survival UMSKAL 2014 juga untuk mempersiapkan siswa siswi baharu dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang mahasiswa.

Selain itu, mahasiswa juga

dapat belajar mengadaptasi persekitaran baharu serta belajar berdikari tanpa banyak bergantung kepada orang lain dan membina sifat positif serta keyakinan diri dalam menghadapi cabaran sebagai mahasiswa.

Di samping itu juga, mereka dapat belajar untuk mengenali perbezaan budaya yang wujud di kalangan rakan-rakan.

“Program Campus Survival ini juga untuk membangunkan kemahiran berkomunikasi yang tinggi apabila berhadapan khalayak

dan mampu membina jati diri yang kukuh sebagai seorang mahasiswa serta memberi peluang kepada mereka terutama pelajar Tahun 1 untuk turut bergiat aktif dalam pelbagai bidang bukan sahaja bergantung kepada akademik semata-mata,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan program Campus Survival di Kompleks Sukan Labuan pada 27-28 September lalu.

Turut hadir Pegawai Psikologi Seksyen Bimbingan

Kaunseling dan Kerjaya UMSKAL merangkap Penyelaras Program Campus Survival Nur Iman Reedzal, Pegawai Pembangunan dan Ekonomi, Jabatan Belia dan Sukan Zuhairi Isnean dan Pengarah Program Shah Rizan Mohd Yunin.

Seramai 54 pelajar menyertai program kali ketiga dianjurkan itu dengan motto ‘Campus Life Adalah Terbaik’.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, modul



yang telah dibangun dan diterapkan melalui program itu mempunyai matlamat tertentu yang sengaja mencabar mental dan semangat peserta.

Geoffrey berharap para peserta mengambil peluang belajar merujuk daripada kakak dan abang senior Pembimbing Rakan Siswa (PRS) mengenai kehidupan di kampus.

Beliau mengucapkan syabas kepada semua ahli jawatankuasa (AJK) pelaksana Program

Campus Survival yang telah bertungkus-lumus melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

“Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Jabatan Belia dan Sukan Labuan kerana sudi bekerjasama dalam menayakan program Campus Survival 2014,” katanya.

Geoffrey juga berharap program itu akan memberi manfaat kepada pelajar UMSKAL yang berasal dari

dalam dan luar negara untuk masa depan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Campus Survival yang dianjurkan Seksyen Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMSKAL disasarkan bagi membantu pelajar Tahun 1 dalam proses penyesuaian diri dalam pembelajaran dan kehidupan kampus.

Program dua hari itu diisi dengan ceramah Motivasi, Latihan Dalam Kumpulan dan aktiviti ‘Teambuilding’.



**PESERTA**, kakitangan HEP dan AJK Pelaksana merakam kenangan selepas majlis penutupan Campus Survival UMSKAL 2014.